

## Pelaksanaan Amalan *Talaqqi* dan *Mushāfahah* dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran di Malaysia

Implementation of *Talaqqi* and *Mushāfahah* Practice in Teaching of Tahfiz Al-Quran in Malaysia

ASHRAF ISMAIL  
AB. HALIM TAMURI  
NURUL HUDA HASSAN

### ABSTRAK

*Tahfiz al-Quran adalah satu mata pelajaran tradisi yang menjadi kebanggaan umat Islam sepanjang zaman. Kelebihan mempelajari bidang ini telah disebut dalam kebanyakan kitab muktabar karangan ulama silam. Di Malaysia, ia menjadi mata pelajaran teras dan wajib diikuti oleh semua pelajar dalam program tahfiz al-Quran termasuklah Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Tonggak penting dalam pengajaran bidang ini adalah pensyarah atau tenaga pengajar yang melaksanakan pengajaran. Artikel ini adalah hasil analisa dapatkan kajian berkaitan pelaksanaan amalan talaqqi dan mushāfahah dalam pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. Tulisan ini adalah hasil kajian kualitatif ini terhadap pelaksanaan amalan talaqqi dan mushāfahah yang dilakukan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Seramai enam orang pensyarah Tahfiz al-Quran dari empat buah Maahad Tahfiz di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dipilih sebagai peserta di dalam kajian ini. Data kajian ini telah diperoleh melalui temu bual, pemerhatian pengajaran dan analisis dokumen. Dapatkan kajian menunjukkan semua peserta kajian menyatakan bahawa mereka mengamalkan kaedah talaqqī dan mushāfahah. Namun berdasarkan pemerhatian didapati kaedah tersebut tidak diamalkan sepenuhnya kerana mereka lebih mengutamakan kaedah tasmi'. Secara keseluruhannya dapatkan kajian ini diharap dapat dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran melalui kaedah talaqqī dan mushāfahah kerana kaedah ini telah dipelopori sejak penerimaan wahyu pertama ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril AS.*

Kata kunci: *Tahfiz al-Quran; amalan pengajaran dan pembelajaran; talaqqī; mushāfahah; Malaysia*

### ABSTRACT

*Tahfiz al-Quran is a subject of tradition that is the pride of Muslims throughout the ages. The advantages of studying this field have been mentioned in most of the kitab muktabar. In Malaysia it is a core subject and must be followed by all students in all Tahfiz al-Quran including Diploma Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat under the Department of Islamic Development Malaysia. Essential pillars in teaching this field are lecturers or instructors who carry out teaching. This article is the result of an analysis of the findings related to the practice of talaqqi and mushāfahah in the teaching of the Quran Tahfiz in Malaysia. This qualitative study was conducted to examine the implementation of talaqqi and mushāfahah practices performed during the teaching and learning of The Tahfiz al-Quran. A total of six lecturers were selected from four Maahad Tahfiz under the Department of Islamic Development Malaysia selected as participants in this study. The data were collected data through interviews, teaching observations and document analysis. The findings show that all participants of the study state that they practice the talaqqī and mushāfahah methods. However, based on observation, the method was not fully applied because they preferred tasmi' method. Overall, the findings of this study can be used as a guide to improve the quality of teaching and learning of tahfiz al-Quran through talaqqī and mushāfahah methods as this method has been spearheaded since the first revelation of al-Quran from the Jibril AS on the Great Prophet Muhammad SAW.*

Keywords: *Tahfiz al-Quran; teaching and learning; talaqqi; mushāfahah; Malaysia*

### PENGENALAN

Al-Quran adalah kalam Allah yang *qadīm*, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril a.s. Proses penurunan ini berlangsung selama 23 tahun iaitu 13 tahun di Makkah al-Mukarramah

dan 10 tahun di Madinah al-Munawwarah (al-Bukhāri 2006). Menurut *al-Qatṭān* (1990), Gua Hira' menjadi lokasi pertama bermulanya sejarah penurunan al-Quran secara hafazan antara Jibril a.s dengan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW mengambil al-Quran daripada Jibril a.s secara *talaqqī* dan

*mushāfahah* iaitu Jibril a.s membacanya dahulu dan didengar oleh Nabi Muhammad SAW. Setelah itu, Nabi Muhammad SAW pula membacanya dengan diperhatikan oleh malaikat Jibril a.s. (al-Takwīr 81: 19-21; al-Shūra' 19: 193-194; al-Naml 27: 6). Semasa proses *talaqqī* dan *mushāfahah*, Rasulullah SAW sangat bersungguh-sungguh menghafaz dan mengulang-ulang bacaan al-Quran serentak dengan bacaan Jibril a.s kerana baginda khuatir tidak dapat menghafaznya dengan baik dan sempurna (al-Qāti'ān 1998). Perbuatan Rasulullah SAW ini telah ditegur oleh Allah SWT dengan memerintahkan baginda agar diam dan mendengar dahulu bacaan Jibril a.s sebelum menghafaznya (Tāhā 20: 114; al-Qiyāmah 75: 16-17). Selain itu, Rasulullah SAW juga bertadarus al-Quran dengan malaikat Jibril a.s pada setiap tahun dalam bulan Ramadan dengan sekali khatam. Namun pada tahun terakhir sebelum wafat, baginda telah bertadarus al-Quran di bulan Ramadan dengan malaikat Jibril a.s dan khatam sebanyak dua kali (al-Šābūnī 1987). Oleh kerana itu, dalam konteks pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia peranan pensyarah tahfiz al-Quran dalam melahirkan ḥuffāz al-Quran yang *mutqin* (bersungguh) merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang amat besar dan berat. Oleh itu, dalam menjalankan tugas dan amanah ini timbul pelbagai isu dan permasalahan berkait amalan pensyarah tahfiz al-Quran (Azmil 2010). Terdapat juga pensyarah tahfiz al-Quran yang menggunakan kaedah *tasmi'* terus tanpa *talaqqī* dan *mushāfahah* terlebih dahulu telah menyebabkan pelajar banyak melakukan kesalahan bacaan terutamanya dari segi hukum *waqāf* dan *ibtidā'* yang boleh mengganggu kelancaran proses hafazan. Selain itu, pensyarah tahfiz juga didapati hanya menumpukan pengajaran dalam bilik-bilik kuliah sahaja tanpa mempelbagaikan lokasi-lokasi lain seperti masjid, surau dan lain-lain tempat yang sesuai. Kepelbagaian lokasi hafazan al-Quran juga boleh menyumbang kepada peningkatan motivasi hafazan pelajar (al-Musybīc 2005). Justeru, tumpuan utama artikel ini adalah untuk meneroka pelaksanaan amalan *talaqqī* dan *mushāfahah* yang doamalkan dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia.

#### KAEDAH TALAQQI DAN MUSHĀFAHAH

*Talaqqī* dan *mushāfahah* adalah kaedah yang paling asas semasa proses P&P tahfiz al-Quran dijalankan. Kaedah ini telah diamalkan oleh Rasulullah SAW ketika menerima al-Quran daripada Jibril a.s (al-Qābīsī 1955; Abū Nājihāt 2002; Abū al-Fidā' 2006).

Al-Huṣarī (1970) menjelaskan bahawa *talaqqī* dan *mushāfahah* dilaksanakan dalam dua kaedah utama. Kaedah yang pertama ialah pelajar hanya mendengar dan meneliti bacaan guru dan ini adalah amalan ulama-ulama terdahulu. Manakala kaedah yang kedua pula ialah pelajar membaca di hadapan guru sambil guru mendengar dan meneliti bacaan pelajar dan ini adalah amalan ulama-ulama terkini. Namun demikian, guru atau pensyarah tahfiz al-Quran disarankan agar menggabungkan kedua-dua kaedah ini kerana ia adalah lebih utama di sisi para ulama. Sekiranya jika tiada kelapangan masa maka memadai lah beramal dengan kaedah yang kedua kerana ia lebih besar manfaat dan kesannya di dalam membetulkan bacaan dan hafazan pelajar. Bagi al-Qābīsī (1955) *talaqqī* adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran.

Darul Quran JAKIM telah memperkenalkan dua kaedah hafazan sebagaimana yang termaktub di dalam Buku Panduan Hafazan. Dua kaedah hafazan tersebut ialah kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* dan kaedah membaca dan melancarkan bacaan. *Talaqqī* dan *mushāfahah* juga adalah kaedah yang pertama diperkenalkan oleh Darul Quran JAKIM untuk dilaksanakan di Darul Quran dan Maahad Tahfiz al-Quran Negeri MTQN. Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* dilaksanakan dengan cara pensyarah memperdengarkan dahulu bacaannya pada setiap ayat kemudian diikuti oleh pelajar atau pensyarah menyemak bacaan pelajar pada ayat-ayat yang hendak dihafaz atau menyemaknya ketika waktu *tasmi'*. Bacaan tersebut mestilah lancar, fasih dan bertajwid (Darul Quran 2007).

Menurut Ahwānī (1995) hafazan al-Quran dengan cara *talaqqī* dan *mushāfahah* adalah sebaik-baik kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* ialah guru membaca ayat-ayat al-Quran kemudian pelajar mengulangi apa yang dibaca oleh guru sehingga dapat menghafaznya dengan lancar (Ahwānī 1995). Rasulullah SAW sendiri terlibat secara langsung dalam proses *talaqqī* dan *mushāfahah* sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah SWT di dalam surah al-Qiyamah ayat 16 hingga 19 (Abū al-Fidā' 2006). Peruntukan masa sebanyak 4 jam kredit bersamaan 10 jam pengajian kepada mata pelajaran tahfiz al-Quran bermakna pelajar akan bersama dengan pensyarah tahfiz selama 2 jam setiap hari. Dalam tempoh 2 jam tersebut proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung dimulakan dengan *talaqqī* dan *mushāfahah*. Semasa proses *talaqqī* dan *mushāfahah* dijalankan pensyarah tahfiz al-Quran akan memastikan bacaan pelajar tepat dari segi makhrāj dan sifat huruf,

tajwid, *waqaf* dan *ibtidā'*, *mudūd*, *faṣāḥah* dan lain-lain (Mohammad Marzuki 2007).

Asmawati (2013) dalam kajiannya tentang “Penelitian dan pemahaman terhadap model program j-QAF” telah membuktikan kesedaran guru terhadap kepentingan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* sebagai kaedah terbaik bagi meningkatkan kemahiran pelajar dalam tilawah al-Quran. Melalui kaedah ini membolehkan pelajar duduk berhadapan dengan guru, mendengar bacaan gurunya dan kemudian pelajar pula membaca dengan bimbingan guru. Melalui pendekatan ini, guru terlebih dahulu perlu menguasai ilmu dan kemahiran tentang bacaan al-Quran agar menjadi contoh terhadap anak didiknya. Begitu juga Mohd Aderi dan Rohani (2009) dalam kajian mereka “Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran” mendapatkan bahawa masih wujud dalam kalangan guru yang tidak menggunakan dan menekankan *talaqqī* dan *mushāfahah* di dalam proses P&P. Inilah antara sebab utama masalah ketidakmampuan pelajar menguasai bacaan al-Quran masih berlanjutan tanpa ada jalan penyelesaiannya walaupun telah mengikuti proses P&P tilawah al-Quran program j-QAF selama 6 tahun di sekolah rendah.

Menyentuh tentang kaedah pengajaran tafsir berdasarkan guru terdahulu, al-Ṣābūnī (2007) dalam kitabnya “al-Tibyān fi ḨUlūm al-Quran” menyatakan bahawa para sahabat meneruskan legasi pengajaran tilawah al-Quran melalui Rasulullah SAW yang menjadi guru kepada mereka dan Rasulullah SAW pula telah *bertalaqqī* dengan Jibril a.s. sekali setiap tahun iaitu pada bulan Ramadan dan sebanyak dua kali pada tahun kewafatan baginda. Para sahabat meneruskan mengajar generasi *tābi’i*, *tābi’i tābi’iñ* dan seterusnya sehingga ke hari ini. Sahabat-sahabat ini merupakan orang-orang yang banyak pengetahuan tentang al-Quran dan mengambil bacaan al-Quran daripada baginda Rasulullah SAW secara *bertalaqqī* ketika baginda masih hidup. Ini memperlihatkan bahwasanya pengaruh Rasulullah SAW sebagai guru yang mengajar al-Quran kepada sahabat dan selepasnya sehingga ke hari ini. Semua amalan contoh dan suri teladan yang mulia *qudwah hasanah* daripada Rasulullah diikuti, dihayati dan diamalkan oleh para sahabat.

Farah Ilyani et al. (2016) dalam kajian mereka “Pengalaman Pembelajaran Terdahulu (PPT) Siswa Pendidik Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran” telah mendapatkan bahawa seorang guru itu akan mengajar sebagaimana dia diajar. Ini kerana kaedah *turath* pengajaran al-Quran seperti *talaqqī*, *mushāfahah* dan *talqīn* ini menuntut kompetensi guru yang tinggi agar

dapat mengajarkan bacaan al-Quran yang tepat dan sahih kepada pelajarnya dan begitu sebaliknya apabila pelajar juga mewarisi amalan gurunya. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Ab. Halim et al. (2013) iaitu ‘Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah Al-Quran Program j-QAF telah mendapat bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* penting dalam melaksanakan model-model Tilawah al-Quran ini. Hasil dapatan tersebut membuktikan bahawa terdapat kebanyakan guru turut menggunakan kaedah-kaedah lain tanpa mengesampingkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* dalam proses P&P. Namun, kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* tetap menjadi kaedah yang paling utama. Walau bagaimanapun hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa masih wujud dalam kalangan guru yang tidak menggunakan dan menekankan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* di dalam proses P&P.

## METODOLOGI

Kajian kualitatif yang berbentuk kajian kes ini melibatkan sekumpulan kecil pensyarah yang terdiri daripada 6 orang pensyarah di empat buah institut tafsir al-Quran wa al-Qiraat di Malaysia. Dalam kajian ini pengkaji hanya mengkaji pelaksanaan amalan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* sahaja semasa sesi P&P Tafsir. Peserta kajian dikenali sebagai, PTQ1, PTQ2, PTQ3, PTQ4, PTQ5 dan PTQ6 iaitu pensyarah tafsir yang pertama (PTQ1) sehingga lahir pensyarah tafsir yang keenam (PTQ6).

## PELAKSANAAN AMALAN *TALAQQI* DAN *MUSHĀFAHAH* DALAM KALANGAN PENSYARAH TAFSIR AL-QURAN

*Talaqqi* dari segi bahasa diambil daripada perkataan iaitu pelajar bersemuka atau berhadapan dengan guru. *Mushāfahah* pula bermakna dari mulut ke mulut iaitu pelajar belajar al-Quran dengan memerhati gerak bibir guru untuk mendapatkan sebutan makhray yang betul. Dalam kajian ini *talaqqī* dan *mushāfahah* ialah kaedah pelajar mengambil bacaan al-Quran secara langsung daripada pensyarah semasa sesi P&P atau di luar sesi P&P. *Talaqqī* dan *mushāfahah* ialah guru membaca dan pelajar mengikut bacaan guru atau pelajar membaca dan guru mendengar sambil membetulkan bacaan pelajar. *Talaqqī* dan *mushāfahah* tetap dijalankan walaupun kadang kala dikemudiankan mengikut keadaan pelajar. Demikianlah yang seringkali diamalkan oleh PTQ1. Beliau menegaskan:

...Kalau kata nak *talaqqī* dulu, saya *talaqqī* dululah, aaa.. kemudian budak akan *tasmi'* ikut diaoranglah. *Tasmī'* had hari nilah tapi dah *talaqqī* dan *mushāfahah* semalam. Jadi had *talaqqī* hari ni habuan esok pula...

Manakala PTQ2 lebih mengutamakan *tasmi'* atas alasan pelajarnya ramai yang ketinggalan *muqarrartasmi'*. Menurutnya:

...Terus *tasmi'* hafazan diaorang, pasal pelajar saya banyak yang dah tertinggal, jadi kita kalau nak buat *talaqqī* dan *mushāfahah* ke dia akan ambil masa, *talaqqī* dan *mushāfahah* ni tengok berapa banyak ustaz...paling tidak 15 minit hingga setengah jam dalam 1 *maqrā'*..sorry 2 *maqrā'*.. sebab kita baca dan ikut secara *tahqīq*. Pelajarlah yang ikut..satu-satu..ya memang slowlah sampai habis. Syeikh kata yang penting..pelajar mesti ambil dulu bacaan dari *afwāh* tok guru. Corner macam mana pun akhirnya dia akan balik kat *talaqqī* juga. Memang praktiklah baru barakah...

Sementara PTQ3 melaksanakan *talaqqī* dan *mushāfahah* mengikut keadaan kerana menganggap *tasmi'* sudah sebahagian daripada proses *talaqqī*. Ujarnya:

...Setengah ikut masa..kalau ada masa *talaqqī* dan *mushāfahah*lah. Tak kiralah masa awal ke..akhir ke..ikutlah.. Macam kita dok ngaji dululah. Tok guru baca pelajar ikut..lagu tulah selalu. Dia sebenarnya atas kita..lidah *telor* boleh salahkan pelajar. Tajwid pelajar banyak yang lemah tu bukan sebab isu *talaqqī* saja.. banyak sebab lain lagi. Pengalaman sayalah ustaz..sorang dua ja yang lemah tajwid masa jadi imam tarawikh..dok peghati setengah pelajar memang la..memang..*talaqqī*, dan *mushāfahah* buat, tapi saya ikut setengah syeikh kata *tasmi'* dikira termasuk sebahagian *talaqqī* dan *mushāfahah* juga...

Mengakui pentingnya amalan *talaqqī* tetapi baginya *tasmi'* pun sudah memadai. Demikianlah apa yang dinyatakan oleh PTQ4:

...Sunnah Nabi *mushāfahah*..*talaqqī* ni. Kena amalkan ustaz. Cuma di maahad ni kadang kita sekali harung *tasmi'* tu sebagai sebahagian *talaqqī* juga. Pendek kata kalau kelas tu tak buat *talaqqī* dan *mushāfahah* yang biasa dok buat tu kira memadailah tu. aaa sahlah bacaan sebab *tasmi'* juga ada interaksi depan guru...

Pegangan yang sama juga oleh PTQ5 iaitu menerima konsep *talaqqī* dan *mushāfahah* namun beliau lebih kepada *tasmi'* terus sebab kesuntukan masa. Menurutnya:

...Pasal *talaqqī* dan *mushāfahah* ni ada orang dia *talaqqī* dan *mushāfahah* dulu macam kita dok mengaji dululah. Ada orang kira *tasmi'* tu dah termasuk *talaqqī* dan *mushāfahah*. Semua betul, tapi saya terus teranglah...saya terus *tasmi'* sebab masa tak dak...

PTQ6 pula mengamalkan *talaqqī* dan *mushāfahah* dan akan menggantikannya jika tidak sempat. Menurut PTQ6:

...Berbeza *talaqqī mushāfahah* ni saya buat masa lebih kurang setengah jam lagi nak habis kelas. *Talaqqī* dan *mushāfahah* pada pandangan saya kalau takdan dalam kelas wajib buat ganti

masa lain lah sebab dia sangat penting untuk kesahan bacaan pelajar depan guru secara beramai2. Saya pakai kaedah ulama mutaakhirin iaitu guru membaca, pelajar dengar dan ikut dan kadang-kadang pelajar pula baca guru mendengar dan tegur bacaan pelajar...

Berdasarkan pemerhatian semasa P&P tafifiz djalankan pengkaji mendapati hanya PTQ1 dan PTQ6 sahaja yang melaksanakan *talaqqī* dan *mushāfahah*. Manakala PTQ2, PTQ3, PTQ4 dan PTQ5 didapati terus menjalankan sesi *tasmi'* tanpa *talaqqī* dan *mushāfahah*. Pemerhatian yang telah dibuat mendapati PTQ1:

...Kelihatan PTQ1 membaca al-Quran dan diikuti oleh pelajar secara serentak...

Begini juga pemerhatian yang telah dilakukan semasa PTQ2 melaksanakan P&P tafifiz dan didapati:

...Dari arah belakang kelas jelas kelihatan PTQ2 seolah-olah bergegas memulakan sesi *tasmi'*. Kemungkinan kerana kesuntukan masa...

Demikian juga dengan PTQ3 tidak melaksanakan proses *talaqqī* dan *mushāfahah* sebaliknya terus melaksanakan *tasmi'*:

...PTQ3 dilihat terus *tasmi'* pelajar tanpa sesi *talaqqī* dan *mushāfahah* dan pelajar pula dipanggil ke hadapan mengikut giliran secara tergesa-gesa juga. Mungkin PTQ3 hendak mengejar masa yang agak terbatas...

PTQ4 juga melaksanakan cara yang sama:

...Saya lihat PTQ4 terus *tasmi'* pelajar tanpa *talaqqī* dan *mushāfahah* terlebih dahulu. Kemungkinan faktor kesuntukan masa juga atau tidak mahu membazirkan masa...

Sementara PTQ5 pula:

...PTQ5 juga tidak *talaqqī* dan *mushāfahah* dahulu pada pagi itu. Semasa masuk kelas PTQ5 kelihatan sibuk untuk bersegera *tasmi'* pelajar tanpa membazir masa yang agak terhad.

Manakala PTQ6:

...Saya melihat dan mendengar dengan jelas PTQ6 membaca secara *tahqīq* semasa sesi *talaqqī* dan *mushāfahah* al-Quran yang dilaksanakan lebih kurang setengah jam sebelum kelas berakhir...

Jelasnya, hasil analisa dapatkan kajian di atas menunjukkan semua peserta kajian mengatakan bahawa mereka mengamalkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah*. Namun berdasarkan pemerhatian didapati kaedah tersebut tidak diamalkan kerana mereka lebih mengutamakan kaedah *tasmi'*. Kaedah ini juga merupakan kaedah yang paling banyak diamalkan dalam pengajaran hafazan al-Quran. Tanpa *talaqqī* dan *mushāfahah* kemungkinan hafazan al-Quran akan menjadi lebih sukar terutamanya dari

segi bacaan yang bertajwid. Amat penting pelajar melihat mulut guru apabila membaca al-Quran secara *talaqqī* dan *mushāfahah*. Tujuannya agar pelajar dapat melihat secara jelas guru menyebut kalimah dan membacakan ayat dengan sebutan yang betul. Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* sangat sesuai diperaktikkan terutamanya kepada pelajar yang baru mula menghafaz al-Quran. Kelebihan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* ialah apabila berlaku kesalahan bacaan boleh ditegur secara terus tanpa perlu bertangguh terutamanya yang melibatkan *makhraj* dan sifat huruf yang memerlukan teguran secara berdepan dengan guru. Selain dari kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* kaedah-kaedah lain hanyalah sebagai kaedah tambahan sahaja. Ini disebabkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* adalah kaedah yang telah dipelopori sejak awal penurunan al-Quran ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

Menurut Azmil et al. (2013) dalam kajiannya mendapati bahawa guru tahfiz menggunakan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* secara menyeluruh. Kajian ini juga menyamai dengan pandangan Abū Nājihat (2002) dan Abū al-Fidā' (2006) yang menjelaskan bahawa kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kaedah yang asas di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran. Kaedah ini juga merupakan kaedah yang telah dilaksanakan oleh Jibrail a.s dan Rasulullah SAW di dalam menghafaz al-Quran semasa penurunan wahyu (Abū Nājihat 2002; Abu al-Fida' 2006).

Kajian yang telah dilaksanakan oleh Ab. Halim et al. (2013) iaitu ‘Penilaian Guru Terhadap Pelaksanaan Model-Model Tilawah Al-Quran Program J-Qaf’ juga telah mendapati bahawa pelaksanaan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* penting dalam melaksanakan model-model Tilawah al-Quran ini. Hasil dapatan tersebut membuktikan bahawa terdapat kebanyakan guru turut menggunakan kaedah-kaedah lain tanpa mengesampingkan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* dalam proses P&P. Namun, kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* tetap menjadi kaedah yang paling utama. Walau bagaimanapun hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa masih wujud dalam kalangan guru yang tidak menggunakan dan menekankan kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* di dalam proses P&P (Ab. Halim et al. 2013). Inilah antara sebab utama masalah ketidak mampuan pelajar-pelajar menguasai bacaan al-Quran masih berlanjutan tanpa ada jalan penyelesaiannya walaupun telah mengikuti proses P&P tilawah al-Quran program j-QAF selama 6 tahun di sekolah rendah sebagaimana hasil kajian Mohd Aderi & Rohani (2009) yang memfokuskan tentang kelemahan penguasaan kemahiran membaca al-Quran

kalangan pelajar walaupun mereka telah melalui enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Dengan menggunakan kaedah yang baik dan sesuai, ia mampu membantu pelajar memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran dan membawa perubahan sikap dan tingkah laku, menanam minat dan nilai-nilai yang diingini (Kamarul Azmi & Ab. Halim 2012).

## KESIMPULAN

*Talaqqī* dan *mushāfahah* merupakan kaedah yang melibatkan komunikasi dua hala antara guru dan pelajar. Kaedah ini juga telah membolehkan guru membentulkan bacaan pelajar secara terus dengan lebih berkesan. Keberkesanannya tidak boleh dinafikan sekalipun terdapat peralatan audio yang canggih dan terkini. Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* juga menyebabkan sebarang ilmu yang diajarkan oleh guru terus terpahat pada minda pelajar. Hal ini berlaku secara maksimum kerana bimbingan guru ketika proses pemindahan fakta adalah 100%. Kelebihan ini dapat dipertingkatkan lagi sekiranya proses *talaqqī* dan *mushāfahah* dihadkan kepada kumpulan kecil atau secara individu. Keistimewaan yang diberikan ini akan meluaskan lagi fokus kepada penyampaian ilmu yang berkesan dan bermanfaat terus daripada guru atau *min afwāh al-masyāyikh*. Selain itu, *talaqqī* dan *mushāfahah* juga berupaya membina keyakinan dalam diri pelajar ketika membaca al-Quran di hadapan guru serta dapat mengenal pasti secara amali tahap kefahaman pelajar terhadap hukum-hukum bacaan yang meliputi *makhraj* huruf, sifat-sifat huruf dan lain-lain hukum tajwid. Bahkan pelajar juga akan lebih positif dalam membuat penilaian terhadap penyampaian pengajaran guru-guru mereka. Namun satu perkara yang amat penting perlu diingati oleh guru al-Quran ialah tentang kelemahan contoh bacaan guru kerana ia akan menimbulkan kesan yang negatif terhadap pelajar. Oleh itu, sesiapa sahaja yang ingin memulakan pengajian al-Quran, maka perlulah ia menyelidiki terlebih dahulu tentang kemahiran gurunya terhadap ilmu al-Quran supaya masalah ini dapat dihindari.

Kaedah *talaqqī* dan *mushāfahah* adalah kaedah pembelajaran atau penerimaan al-Quran dari mulut ke mulut atau berguru. Ia merupakan kaedah tradisi yang terbukti berkesan menyampaikan sebarang sebutan dengan tepat dan dianggap satu-satunya cara yang boleh digunakan untuk mempelajari al-Quran. Mempelajari al-Quran menerusi kaedah ini memberikan faedah yang besar kepada guru dan pelajar. Guru dapat memantapkan teknik

pengajarannya manakala pelajar dapat menimba ilmu yang tulus, jelas, sempurna mengikut kehendak Allah SWT. Kaedah pengajian al-Quran khususnya hafazan secara *talaqqī* dan *mushāfahah* adalah yang terbaik dan ianya merupakan kaedah yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW seterusnya disambung oleh para ulama' Islam secara mutawatir bagi mengekalkan ketulenan dan keaslian cara bacaan al-Quran. Justeru itu, adalah digalakkan bagi semua umat Islam untuk mempelajari al-Quran dengan cara yang terbaik ini melalui guru yang benar-benar diyakini bacaannya.

#### RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor & Mohd Izzuddin Mohd Pisol. 2013. Penilaian guru terhadap pelaksanaan model-model tilawah al-Quran Program j-QAF. *International Journal of Islamic Thought* 3: (June) 2013.
- Abū al-Fidā', Muḥammad ʻIzzat. 2006. *Kāyf Nāḥfz al-Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Abu Najihat Al-Hafiz. 2002. *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah Dan Qari-Qariah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- al-Ahwani, Ahmad Fuād. 1995. *Al-tarbiyyah fi al-islām aw ta‘alim fī rā'yī al-Qābīsī*. Kaherah: Darul Fikr al-‘Arabīyah.
- Asmawati Suhid. 2013. Penelitian dan pemahaman terhadap model program j-QAF. *Prosiding seminar kebangsaan penyelidikan-j-QAF (SKP j-QAF 2013)*. Bangi : Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia & Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Azmil Hashim. 2010. Penilaian pelaksanaan kurikulum tafsīr al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Maahad Tafsīr Al-Quran Negeri. Tesis Dr. Falsafah, Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri & Misnan Jemali. 2013. Latar belakang guru tafsīr dan amalan kaedah pengajaran tafsīr al-Quran di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* January 2013, Vol. 1 Issue 1.
- al-Bukhari, Muhammad Ismail. 1400H. *Sahīh al-Bukhārī*. Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al-‘Arabī.
- Darul Quran. 2007. *Kaedah Hafazan al-Quran*. Selangor. Medan Hikmah Sdn. Bhd.
- Farah Ilyani Zakaria. Mohd Aderi Che Noh. Khadijah Abd Razak. Salbiah Mohamed Salleh. 2016. Pengalaman pembelajaran terdahulu (PPT) siswa pendidik dalam pengajaran tilawah al-Quran. Prosiding *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11(WPI11)*. "Pendidikan Islam Membangunkan Ummah Wasatiah". Selangor : Penerbit UKM.
- al-Ḥuṣarī, Maḥmūd al-Ḥuṣarī. 1970. *Aḥkam Qirā'ah al-Quran al-Karīm*. Kaherah: Matba'ah al-Syirlī.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*: UKM 34(1) (2009): 93-109
- Mohamad Marzuqi Abd Rahim. 2008. Pengajaran mata pelajaran hafazan al-quran: suatu kajian maahad tafsīr al-Quran Zon Tengah. Kertas Projek Sarjana: Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- al-Musybi'i, Khīlid bin Ali. 2005. *Al-Tālib Ghair al-Mutafā'il ma'a al-Halaqat*. Yaman: Maktabah al-Ta'līmiyyah.
- al-Qaṭṭān, Mānnā' Khalīl. 1998. *Mabāhith fī Ulūm al-Quran*. Riyadh: Muassasah al-Risālah.
- al-Qābīsī, Abī Hasan Ḩāfiẓ Muhammād bin Khalaf. 1955. *Al-Risālah al-Muṣṣolah Li Ahwāl Almuṣallīmīn Wa Ahkām Al-Muṣallīmīn Wa Muṣallīmīn*. Kaherah: Dār Ehyā' al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Sabūnī, Muhammād Ali. 2007. *Al-Tibyān fī Ulūm al-Quran*. Makkah: Dar al-Sabuni.
- Ashraf Ismail**  
Pusat Kelestarian Turath Islami  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
ashrafismail67@yahoo.com
- Ab. Halim Tamuri**  
Aras 2, Blok Pentadbiran  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Bandar Seri Putra  
43000 Kajang, Selangor  
MALAYSIA  
tamuri67@gmail.com
- Nurul Hudaa Hassan**  
Jabatan Pedagogi Bahasa Arab  
Pusat Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Arab  
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam  
43657 Bandar Baru Bangi, Selangor  
MALAYSIA  
nurulhudaa2012@gmail.com